

Jumaat, 25 Jun 2021, 3:47pm

Usaha tegas Pahang mampu pulih kembali Tasik Chini

Oleh [Abdul Wahab Mohamad Ali](#) - Jun 24, 2021 @ 12:00pm



JIKA kerajaan Pahang boleh melakukan usaha memulihara alam sekitar yang terkesan teruk akibat kerja perkebunan di Sungai Ichat di Cameron Highlands, perkara sama pasti dapat dilakukan di Tasik Chini di Pekan.

Apa tidak dihadapi di Sungai Ichat? Ini termasuk bantahan keras secara fizikal sebahagian pekebun tertentu hingga memerlukan pasukan keselamatan meredakan keadaan. Mereka juga menyaman kerajaan negeri, walaupun kemudian menariknya kembali.

Selepas lebih enam bulan tertangguh kerana mematuhi injunksi mahkamah, kerja penguatkuasaan dan pemuliharaan, termasuk penanaman pokok tertentu dilaksanakan semula.

Maka, pulih kembali tidak sampai satu setengah tahun - sejak Februari 2019 hingga September tahun lalu dengan mutu air kembali ke kelas 1, berbanding kelas 4 tercemar teruk sebelumnya.

Sesungguhnya, soal menangani isu alam sekitar di Tasik Chini dikendalikan kerajaan negeri sekarang, hampir sama waktunya dengan pengendalian isu di Sungai Ichat.

Pada Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri 13 Mac 2019 yang samalah kerajaan negeri meluluskan perwartaan 4,498 hektar sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) Chini dan HSK Sungai Ichat (121.12 hektar).

Bagi Tasik Chini lebih luas, mesyuarat sama menetapkan dasar khas berkaitan perlombongan bahawa tidak akan ada lagi pengeluaran baharu pajakan melombong (ML) khususnya bijih besi di kawasan berkenaan.

Inilah dipatuhi sepenuhnya hingga hari ini. Sungguhpun ada 14 kawasan diberi ML sejak sebelum 2019, hanya dua mempunyai surat kelulusan Skim Pengendalian Melombong (OMS) untuk beroperasi. Itupun satu akan tamat hujung Jun ini, manakala satu lagi pada hujung tahun ini.

Dengan ML sahaja – dikeluarkan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) negeri - tidak membolehkan pemegangnya melakukan operasi perlombongan melainkan selepas memperoleh OMS keluaran Jabatan Mineral dan Geosains (JMG).

Memperoleh OMS bukan mudah. Pemohon perlu menyediakan pelbagai dokumen, termasuk laporan Penilaian Alam Sekitar (EIA) sangat ketat dinilai Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Kerajaan negeri tidak berkompromi atas kegagalan pematuhan seperti syarat perlu dipatuhi pemegang pajakan/operator menerusi penilaian dan ulasan lapan agensi teknikal Kerajaan Persekutuan mahupun negeri.

Kelapan-lapannya ialah JMG, JAS, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pejabat Daerah dan Tanah Pekan, Badan Kawal Selia Air (BAKSA), Jabatan Perhilitan Negeri (JPN) dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Mengenai keluasan 4,498 hektar diwartakan sebagai HSK Chini, walaupun bersamaan 6,000 padang bola sepak, ia belum memadai seperti titah Pemangku Raja Pahang, antara lain untuk meluaskannya kepada antara 6,000 dengan 7,000 hektar. Susulan itu, kerajaan negeri mengarahkan jabatan seperti PTG dan Jabatan Perhutanan mengambil tindakan segera mengenal pasti kawasan tambahan, seterusnya menguruskan soal perwartaan.

Ia wajar kerana dapat menambah liputan kawasan hutan demi memelihara dan memulihara mutu alam sekitar Tasik Chini yang luas badan airnya antara 200 hingga 700 hektar menurut musim.

Tasik Chini Rizab Biosfera (TCRB) di bawah program Man and Biosphere UNESCO diiktiraf sejak 2009 sebagai kawasan rizab biosfera pertama di negara ini.

Ia berlandaskan tiga teras utama berkaitan pemuliharaan ekosistem, termasuk spesies/hidupan, sokongan logistik, aktiviti penyelidikan dan pembelajaran serta pembangunan membabitkan ekonomi penduduk setempat.

Bagi menjayakannya, ia dibahagikan kepada Zon Teras, Zon Penampang dan Zon Peralihan. Berkeluasan maksimum 7,000 hektar, ia sangat memadai bagi menjayakan TCRB lebih berkesan.

Kerajaan negeri berusaha melaksanakan penanaman hutan dan membelanjakan RM250,000. Lagi RM10 juta turut diperuntukkan.

Aktiviti penguatkuasaan akan terus diperkasa, termasuk pemantauan menggunakan teknologi Pengesanan dan Perluasan Cahaya (LIDAR) dan dilaksanakan bersepadau serta berkala membabitkan agensi penguatkuasaan negeri dan Persekutuan.

Dengan segala usaha tegas, serius dan berterusan ini, hanya masa akan menentukan Tasik Chini benar-benar pulih kembali.

Kuantan